

25/11/1999

Pembangkang lebih suka berebut kuasa

Torek Sulong

BACHOK, Rabu - Tempoh yang ditetapkan barisan alternatif untuk menyandang jawatan Menteri Besar dan Perdana Menteri, iaitu selama dua penggal bagi setiap pemimpin tertinggi parti dalam pakatan itu sekiranya berjaya menawan negara ini hanya membawa kesengsaraan kepada rakyat.

Ini kerana pemimpin pakatan pembangkang membabitkan DAP, Pas, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) akan berebut-rebut untuk mendapatkan kerusi penting itu dalam pentadbiran sehingga agenda membela nasib rakyat secara adil dan saksama tidak dilaksanakan.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, penetapan tempoh selama dua penggal itu hanya akan menimbulkan perebutan kuasa sekali gus mengabaikan pengurusan pentadbiran negara dengan cekap.

Beliau berkata, buktinya jelas kerana sebelum dapat memerintah negara ini sudah wujud sikap tamak kekuasaan yang ditunjukkan parti pembangkang terbabit ketika pengagihan kerusi untuk bertanding pada pilihan raya kali ini.

Menurutnya, ini sudah pun membuktikan wujudnya sikap tamak kekuasaan bukannya pengagihan kuasa yang adil.

"Oleh itu, kemenangan mereka akan membawa kesengsaraan kepada rakyat apabila masing-masing berebut-rebut untuk mendapatkan kerusi penting dalam pentadbiran sehingga agenda membela nasib rakyat secara adil dan saksama tidak terlaksana.

"Gagasan yang dicadangkan itu tidak lebih daripada sikap dengki mereka terhadap kepemimpinan pucuk pimpinan Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menampilkan pelbagai kejayaan membangunkan negara," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis perjumpaan bersama rakyat, dekat sini, petang semalam.

Menurutnya, angan-angan pembangkang yang berhasrat kononnya berusaha menyerlahkan keadilan tidak akan tercapai kerana rakyat lebih arif menilai kemampuan mereka dalam pelbagai aspek.

Beliau mempersoalkan kemampuan barisan alternatif itu kerana tidak ada sebarang persefahaman yang dicapai, malah wujud percakaran dan pertentangan pendapat sesama sendiri sepanjang kempen pilihan raya ini.

"Nak baiki sistem pentadbiran negara yang kononnya tak betul dilaksanakan oleh BN selama ini? Sama sendiripun sudah tidak adil. Macam mana nak perintah negara," katanya.

Sementara itu ketika berceramah di Pasi Puteh, Tengku Razaleigh bertekad melaksanakan segala janji sebagaimana dalam manifesto Barisan Nasional (BN) dan manifesto tambahan bagi Kelantan untuk membawa perubahan kepada rakyat.

Beliau berkata, itulah antara tekadnya jika rakyat Kelantan memberi mandat kepada BN memerintah negeri ini pada pilihan raya umum 29 November ini.

Beliau berkeyakinan segala janji akan dapat ditunaikan kerana Kelantan mempunyai pelbagai sumber kekayaan berbanding negeri lain.

"Jika rakyat Kelantan memberi mandat kepada BN memerintah negeri ini pada pilihan raya kali ini, saya berjanji akan melaksanakan tanggungjawab itu.

"Saya akan berusaha menemui pemimpin kerajaan di peringkat Pusat untuk mendapatkan peruntukan sebanyak RM4,000 juta bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan di negeri ini," katanya.

(END)